



**JABATAN PERHUTANAN NEGERI PAHANG
TINGKAT 5, KOMPLEKS TUN RAZAK
BANDAR INDERA MAHKOTA
25990 KUANTAN
TEL : 09-5732911**



NOTIS LELONGAN AWAM

JABATAN PERHUTANAN NEGERI PAHANG DARUL MAKMUR

1. Adalah dimaklumkan bahawa Jabatan Perhutanan Negeri Pahang akan mengadakan lelongan awam pada tarikh, masa dan tempat lelongan adalah seperti berikut:-

Tarikh : 25 Jun 2018 (Isnin)
Masa : 10 pagi
**Tempat : Tapak Sitaan Kompartmen 1 dan 2, H.S Chini
Tambahan, Lubuk Perah, Bera.**

2. Senarai tual-tual balak yang akan dilelong adalah seperti di **Lampiran 1:-**
3. Satu lawatan tapak akan diadakan pada **20 Jun 2018 (Rabu), jam 10.00 pagi dialamat seperti diatas**, Senarai tual-tual balak yang akan dilelong boleh dilihat pada bila-bila masa sebelum hari lelongan diadakan. Di alamat seperti berikut:-

**Tapak Sitaan Kompartmen 1 dan 2, H.S Chini
Tambahan, Lubuk Perah, Bera.**

4. Syarat dan peraturan lelong adalah seperti di **Lampiran 2.**

SYARAT-SYARAT DAN PERATURAN LELONGAN AWAM

1. KELAYAKAN

- a. Lelongan awam ini adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat dan orang perseorangan yang berdaftar dengan Jabatan Perhutanan Negeri Pahang sebagai pengusaha pembalakan yang masih berkuatkuasa untuk tujuan memasuki lelongan awam ini.
- b. Setiap permohonan hendaklah mengemukakan salinan Sijil Pendaftaran pengusaha pembalakan yang dikeluarkan oleh Jabatan Perhutanan Negeri Pahang dan telah disahkan (**Perlu dikemukakan semasa pendaftaran lelongan**).

2. HARGA

Harga kayu balak yang dipersetujui perlulah dinyatakan semasa proses lelongan dijalankan. **Harga tersebut adalah tidak termasuk bagi bayaran royalti dan ses.**

3. HARGA TAWARAN DAN BAYARAN

- a. Harga Permulaan : **RM1,000,000.00 (Ringgit Malaysia : Satu Juta Sahaja)**
- b. Syarat-syarat Penjualan :
Deposit 10% dari harga permulaan: (RM100.000.00) (Ringgit Malaysia : Satu Ratus Ribu Sahaja) atas nama

Pengarah Perhutanan Negeri Pahang

pada hari lelongan dibuat dan **bayaran sepenuhnya hendaklah dijelaskan dalam tempoh 14 hari dari tarikh penjualan.** (Pendaftaran dan Bank Draf hendaklah didaftarkan di kaunter lelongan awam sebelum jam 9.30 pagi).

4. HAL-HAL LAIN

- a. Penawar harga yang tertinggi adalah pembeli yang berjaya dan jika ada apa-apa perselisihan yang berbangkit mengenai penawaran yang tertinggi, aset dan barang berkenaan akan dilelong semula.
- b. Tiada seorang pun boleh ketika lelong berjalan menawarkan harga yang lebih rendah daripada harga permulaan yang telah ditetapkan oleh jabatan, dan tiada tawaran yang boleh ditarik balik.
- c. Jabatan berhak mengubah susunan jualan tersebut di senarai dan menarik balik mana-mana aset dan barang dari senarai lelongan.
- d. Semua aset dan barang adalah dilelong sebagaimana keadaannya semasa dilihat (*as-is-where-is-basis*).
- e. Jabatan ini tidak bertanggungjawab ke atas aset dan barangan yang telah dijual, dan jabatan tidak akan memberikan sebarang pampasan terhadap apa-apa sebab musabab.
- f. Semua perbelanjaan bagi mengangkut aset dan barangan hendaklah ditanggung oleh pembeli sendiri.
- g. Pembeli yang berjaya hendaklah memberi nama penuh, no. kad pengenalan dan alamat kepada Pegawai Pelelong semasa jualan dilakukan dan hendaklah **membuat pembayaran penuh dalam tempoh empat belas hari (14) hari dari tarikh penjualan.**
- h. Pembeli yang berjaya hendaklah **mengeluarkan aset dan barang dalam tempoh tiga puluh hari (30) hari dari tarikh lelongan.** Jika tidak, jabatan berhak untuk melupuskannya. Segala bayaran hendaklah dijelaskan sepenuhnya sebelum aset dan barang boleh dikeluarkan.
- i. Sekiranya pembeli gagal untuk memenuhi **SYARAT-SYARAT DAN PERATURAN LELONGAN AWAM** ini, maka wang depositnya akan dirampas dan aset dan barang tersebut akan dilelong semula dan sebarang susutan harga, sekiranya ada, akibat jualan semula tersebut dan

juga semua perbelanjaan yang terbit dari penjualan semula atau percubaan menjual semula, akan dituntut dari pembeli yang mungkir itu.

- j. Keputusan Jabatan Perhutanan Negeri Pahang dalam semua hal yang tidak dinyatakan didalam **SYARAT-SYARAT DAN PERATURAN LELONGAN AWAM** ini adalah dianggap muktamad.

Jabatan Perhutanan Negeri Pahang
Tingkat 5, Kompleks Tun Razak,
Bandar Indera Mahkota,
25990 KUANTAN

RINGKASAN :-

NO.SITA	JUMLAH TUAL	ISIPADU (m³)
4	87	163.56
5	78	126.34
6	110	187.56
7	37	60.32
8	11	22.34
9	115	208.79
10	91	149.48
11	153	295.83
12	143	309.42
JUMLAH	825	1523.64